
Siri
Motivasi
15 minit
Bekerja
Dengan Bijak.
Annuar Salleh

Kandungan

Pengenalan 6

KAMU HANYA PERLU TUKAR CARA KAMU BERIKIR DAN BERTINDAK. 8

BERFIKIR DENGAN BETUL. 10

MANUSIA MEMUSUHI APA YANG DIA TIDAK TAHU. 14

BERTINDAK DENGAN BETUL DAN EFISYEN. 16

KOMITMEN DAN KONSISTEN 22

KEMAHUAN YANG BERKOBAR-KOBAR 24

WORK HARD atau WORK SMART. 25

Industri Kewangan Takaful 25

Setiap Masalah adalah Peluang. 26

20 KELEBIHAN WORK SMART PERUNDING KEWANGAN ISLAM 27

BOLEH BERKERJA DI RUMAH. 27

MASA KERJA ANJAL 29

TIDAK PERLU SIMPAN DAN URUSKAN STOK. 29

SEKALI CLOSE JUALAN, INCOME MASUK BULAN-BULAN HINGGA 6 TAHUN DAN LEBIH. 30

ADA BONUS JUALAN, BONUS TAHUNAN, BONUS PERSISTENSI DAN BONUS REKRUITMENT RAKAN KONGSI. 31

KENAIKAN PANGKAT AUTOMATIK DAN SENTIASA KOSONG UNTUK DIISI. 31

DIRAIKAN DENGAN HADIAH MELANCUNG SETIAP SUKU TAHUN PERCUMA. 33

SEMUA PENGURUSAN DATA PELANGGAN DIURUSKAN SYARIKAT. 33

9. PERNIAGAAN 90% ONLINE. 35

SUASANA KERJA YANG GEMBIRA, ENJOY, RILEX DAN FUN. 35

KAMU TAK PERLU HIDUP DALAM KESESAKAN LALULINTAS, BERKEJAR UNTUK PUNCHCARD, TIDAK MENIPU MAJIKAN, TIDAK CURI TULANG DAN TIDAK TERJEBAK DALAM RASUAH. 37

Kandungan

TIDAK PERLU MENIPU, MENINDAS, MENZALIMI ORANG LAIN UNTUK BERJAYA. 37

KEJAYAAN HIDUP KERANA MEMBANTU ORANG LAIN BERJAYA. 39

BANYAK MASA UNTUK KELUARGA, DIRI SENDIRI DAN PENCIPTA. 39

KURANG DOSA IKHTILAT, SENTUH ATAU LIHAT YANG HARAM DAN DENGAR GOSSIP2. 40

INCOME 20,000 SEBULAN SELEPAS BERUSAHA 12 BULAN. 42

KERJAYA FRANCAISE BERSISTEMATIK DENGAN SYARIKAT TERKENAL, BERPENGALAMAN DAN SISTEMATIK. 43

SLIP PENDAPATAN DITERIMA BANK UNTUK PEMBIAYAAN MEMBELI RUMAH DAN SEBAGAINYA. 43

MODAL 44

KURSUS PEMBANGUNAN PROFESSIONALISMA PERCUMA. 45

Penafian: Penulis tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kemudaratan yang timbul kepada pembaca hasil membaca buku ini. Para pembaca dinasihatkan agar mendapat nasihat pakar dalam semua bidang yang ingin diceburi. Buku ini hanya bertujuan mencetuskan kesedaran dan minat terhadap topik yang dibicarakan.

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian rencana, illustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apacarapun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit buku ini.

Annuar Salleh

1-Motivasi

2. Self - education

Font Celebri

Saiz Taip Teks: 12/16

Al-iTQan Wealth Resources

(UA0015125-T)

No 23A-1 Jalan 2,

Cinta Sayang Busines Center

08000 Sungai Petani

Editor : Wan Nor Adibah Wan Ahmad

Penolong Editor Nurul Husna Annuar

Rekabentuk Kulit dan Rekabentuk Susun Atur :Ibnu lBni Hussain

Harga E-Book RM50.00

Pengenalan

Belajar dah lebih 17 tahun. Dapat ijazah payah pula dapat kerja. Semua majikan yang temuduga aku, mahukan pengalaman kerja. Bagaimana aku akan ada pengalaman kerja, jika tidak ada majikan yang mahu ambil aku berkerjaltulah keluhan mereka yang mengharapkan diberi pekerjaan hanya dengan segulung ijazah.

Tahun 2020 mencatatkan lebih sejuta geraduan menganggur dan di tahun 2021 akan ada lagi 500,000 belia yang mencari pekerjaan. Zaman sekarang banyak industri telah menggunakan mesin, komputer, rantaian jaringan jalur lebar dan mendeligasikan tugas-tugas tidak penting kepada pihak ketiga.

Ternyata benar kata-kata seorang mentor saya En Danial.

“Pembelajaran berasaskan teori semata-mata sudah tidak ralivan”.

Pengenalan

Majikan tidak memerlukan ijazah anda. Mereka mencari seseorang yang berwawasan, berinovasi, berminda kritis sedar cabaran persekitaran dan tahu selok-belok persaingan dalam pelbagai aspek. Mereka mahu seseorang yang mampu mengenal kekuatan dan kelemahan diri dan mampu mempertingkatkan kemampuan dirinya.

Majikan memerlukan seorang yang multitasking, berkemampuan berkomunikasi dengan baik dan memiliki pelbagai kemahiran atau softskill.

Perniagaan bukan tempat amal kebajikan. Pemilik telah mengeluarkan modal puluhan, ratusan malah jutaan ringgit untuk memulakan perniagaannya.

Mereka membayar gaji seribu sebulan sudah pasti mereka mahukan pulangan puluhan ribu hingga ratusan ribu daripada seorang pekerja.

Sudah pasti mereka memerlukan pekerja yang berkualiti sebab itu mereka melakukan temuduga.

Temuduga pula adalah seni menolak, menapis dan membuang unsur-unsur yang tidak berkualiti.

Majikan memerlukan seorang yang sanggup berkerja keras, lebih masa, tahan lasak, berdisiplin, jujur, amanah dan boleh dilatih.

Jika kamu dipilih untuk berkerja dengan firma, industry atau syarikat mereka sudah pasti mereka mahu kamu membawa keuntungan ratusan ribu daripada tenaga kamu.

Jika sebuah syarikat meyakini kebolehan kamu untuk menjana pendapatan yang tinggi kepada mereka kenapa kamu tidak yakin untuk menggunakan kekuatan diri kamu untuk memaksimakan pendapatan kamu.

BAGAIMANA BERKERJA SECARA BIJAK.

Hakikatnya bukanlah suatu rahsia, bahawa kekayaan datang daripada perniagaan, keusahawanan dan perusahaan.

Ia adalah sunnah para nabi dan rasul. Nabi Muhammad s.a.w. memulakan kerjaya sebagai penternak kambing, kemudia belajar berniaga bersama bapa saudaranya Abu Thalib kemudian baginda menjadi pedagang yang menyertai bangsawan Arab yang bermusafir berniaga dimusim sejuk dan panas.

Nabi s.a.w pernah bersabda bermaksud:

“Peniaga yang benar lagi amanah akan dibangkitkan bersama para nabi, siddiqin dan syuhada”

Riwayat Abu Saad dan dikeluarkan oleh Imam al Tirmizi. Hadis Hasan.

Pahala yang besar yang dijanjikan nabi s.a.w. adalah kerana, keusahawan melepaskan tanggungjawab melaksanakan fardu kifayah yang diawajibkan ke atas umat Islam.

Untuk menjadi seorang yang benar dan amanah memerlukan mereka memahami hukum-hakam dalam perniagaan, beristiqamah, bersabar dan berjihad melawan nafsunya.

BERFIKIR DENGAN BETUL.

Untuk berkerja secara smart kamu perlu berfikiran positif, berfikir secara sistematik, logic dan berkerja berasaskan perancangan yang teliti.

Orang bijak sudah pasti menggunakan akal fikiran dalam seluruh tindakannya.

Daripada aku kehulu kehilir mencari kerja apakata aku yang mencipta pekerjaan untuk diri sendiri.

Akulah bos, akulah pekerja, akulah majikan dan akulah seksekutif untuk perusahaan aku.

Kenapa kamu tidak berfikir menjadi usahawan atau berniaga?

“Tak sangguplah berkerja buruh kasar”.

“panaslah”

“lecehlah”

“tak bolehlah ke sana ke sini”,

“tidak ada transportlah”

“jauhlah”

“Aku ada ijazahlah”.

“Tak sesuailah dengan bidang pengajian aku”

“Bidang kerja macam aku ini kuli, daripada jaga pintu hingga cuci tandas?”

Apa yang kamu fikirkan akan diterjemahkan oleh bahasa badan kamu. Pepatah Melayu sudah mengatakan: “Sekilas ikan di air, aku tahu jantan betinanya”.

Bahasa badan kamu, pergerakan mata, cara kamu berjalan, duduk, bercakap dan raut wajah kamu menterjemahkan isi hati kamu.

Alasan-alasan negatif yang kamu fikirkan itulah yang menjadikan semua majikan tidak mengambil kamu berkerja dengan mereka. Malah kamu tidak akan berjaya sekiranya menjadi usahawan sekalipun.

Sebenarnya benih keusahawan sudah disemai dalam diri kamu. Cuma dialog negatif dalaman yang sentiasa membisikkan keraguan dalam diri kamu itu menimbulkan pelbagai prasangka buruk yang menimbulkan reaksi yang melambangkan ketidakyakinan kamu. Kamu berdebar, cemas, kurang berkeyakinan menjadikan bahasa badan kamu tidak meyakinkan.

Sejak tahun 1 hingga kamu menggenggam Diploma dan Ijazah, kamu sudah dilatih menjadi usahawan.

Kamu di latih BERUSAHA untuk berjaya dalam UPSR, PMR atau SPM, Diploma dan Ijazah. Dengan kegigihan kamu berusaha kamu berjaya memperolehi kejayaan. K

Usahawan adalah seseorang yang mampu membina impian, mampu merangka strategi perancangan dan sanggup berusaha keras hingga tercapai objektif yang telah ditentukan.

Malah ada yang mampu meraih pelbagai pingat dalam akademik, sukan dan berpersatuan. Ada yang mengharumkan nama sekolah di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan.

Apabila kamu berjaya memiliki sijil serendah SPM kamu sebenarnya sudah berjaya. Apabila kamu berjaya menamatkan satu pusingan larian rentas desa, sebenarnya kamu telah berjaya. Apabila kamu berjaya menunggang basikal, berjaya menunggang motorsikal, berjaya memandu kereta sebenarnya kamu telah berjaya memaksa diri kamu untuk mencapai matlamat yang kamu inginkan.

Begitu juga dalam bidang keusahawan. Kamu hanya perlu belajar ilmu-ilmu yang berkaitan, mempelajari dan melatih diri kamu dengan kemahiran-kemahiran yang berkaitan, memahami cabaran-cabaran yang pasti di lalui dan ikuti segala tunjuk ajar dan bimbingan pemimpin yang telah berjaya menjadi pemimpin dengan usahanya.

Ketakutan yang menghalang kamu untuk menyertai bidang keusahawan adalah disebabkan minda kamu “blur”, “blank”, tidak ada maklumat dengan bidang yang tertentu.

Apa yang kamu lihat, apa yang kamu dengar mengenai kesusahan, kegagalan, cabaran dan segala perkara yang negatif mengenai keusahawan menjadi satu kesakitan dan rasa fobia dalam diri kamu.

Keusahawan ibarat satu ruang gelap yang menakutkan kamu. Mata kasar kamu tidak melihatnya tetapi rakaman bisikan negatif sudah terpahat di dalam minda separa sedar kamu.

MANUSIA MEMUSUHI APA YANG DIA TIDAK TAHU.

Oleh itu berilah peluang kepada diri kamu untuk explore, mencuba, belajar, ambil tahu peluang-peluang yang ada sebelum kamu berkata tidak.

Suluhlah Hati Kamu Dengan Cahaya Maklumat Untuk Memadamkan Kegelapan Yang Menakutkan.

Sekali lagi yang menghalang kamu adalah bisikan dalam diri kamu sendiri.

“Aku tidak ada modal untuk berniaga”

“Aku tidak ada pengalaman”

“Aku malulah”

“Takkan orang ada ijazah macam aku buat kerja macam ini”.

Untuk menjadi usahawan kamu perlu menepis semua ***waswasil khannas*** ini.

Bisikan negative yang selalu menghalang kamu berbuat baik hatta untuk diri kamu sendiri.

Dialog dalaman yang negatif akan mensabotajkan impian kamu untuk berjaya. Ingat tindakan yang betul dan efisyen sahaja yang menghasilkan kesan maksima.

Keadaan tindakan yang betul dan efisyen perlukan berterusan barulah kamu menikmati kejayaan yang berterusan.

Untuk mula membina kejayaan kamu tidak memerlukan modal, tidak perlukan pengalaman, tidak memerlukan kamu berkerja separuh mati.

Kamu hanya perlu betulkan pemikiran, belajar bertindak dengan betul dan efisyen kemudian buat keputusan untuk melakukan aktiviti yang secara berterusan.

Bila berfikir berfikirlah dengan positif.

Bila berfikir fikirlah dengan cara yang betul.

Bila berfikir fikirkan secara logik.

Bila berfikir berfikirlah dengan bersistematik.

Positif, betul, logic dan sistematik.

BERTINDAK DENGAN BETUL DAN EFISYEN.

Dua perkara ini menjadikan tindakan kamu *smart.*

Berfikiran positif, betul, logik dan sistematik akan memandu tindakan yang betul dan berkasan.

Sebab itu mesin yang dikawal komputer akan menghasilkan produk yang berkualiti. Mesin mampu berkerja dengan betul, efisyen dan berterusan.

Tindakan manusia boleh dilatih menjadi seumpama mesin apabila membiasakan diri bertindak dengan betul dan efisyen secara berterusan.

Tindakan yang sama, selaras dan konsisten dinamakan tabiat atau dalam bahasa lain HABIT.

Mesin berkerja dengan baik kerana dikawal oleh komputer yang telah diprogramkan segala pergerakan dengan teratur dan tepat.

Kad memori dalam komputer sama ada RAM atau BIOS sama seperti otak separa sedar dalam diri manusia. Satu programming telah dilakukan dan disimpan didalam memori computer.

Otak manusia telah diformatkan oleh Allah dan sistem-sistem dalam diri manusia sudah diprogramkan oleh Allah dan tersimpan di dalam memori separa sedar.

Sistem saraf dalam diri manusia adalah ciptaan satu bukti mukjizat kebesaran dan kehaibatan Allah SWT.

Semua pergerakan jantung, sistem penghadaman, perkumuhan, pendengaran, penglihatan dan pemprosesan maklumat telah ditakdirkan dalam diri manusia sejak azali.

Namun ada aspek-aspek luaran otot manusia boleh digerakkan melalui arahan otak sedar manusia.

Arahan yang datang daripada sesuatu peristiwa yang ekstrim atau berulangkali akan tersimpan terus dalam minda separa sedarnya.

Sejak dizaman bayi otak separa sedar kita merakam pelbagai memori yang mengawal tindakan kita.

Apabila kita terkena api, jarum, ais dan sebagainya daripada sensor kulit kita, ia terus menghantar isyarat kepada otak dan secara spontan mengarahkan anggota kita bertindak selaraf dengan memori yang telah ditakdirkan atau diprogramkan sejak azali. Kemudian satu perasan dirakamkan. Selepas itu kita tidak berani menyentuh api.

Pakar komputer mendapat inspirasi daripasa system saraf dan otak manusia lalu mencipta komputer.

Otak Separa Sedar

Otaksepara sedar manusia menyimpan segala maklumat dan mengarahkan anggota bertindak selaras dengan maklumat.

Maklumat yang tersimpan itu dinamakan kepercayaan dengan bahasa lain disebut *believe.*

“Your behave following your bealieve”

Jika apa yang kamu percaya itu salah maka tindakan kamu juga akan menjadi salah.

Takut bertindak, teragak-agak membuat keputusan, menagguh-nangguhkan kerja, malas bertindak adalah disebabkan satu kepercayaan karut yang kamu percaya dan terpahat dalam minda separa sedar kamu tanpa kamu sedari.

Otak separa sedar ini tidak berfikir, dia hanya bertindak daripada arahan otak sedar.

Sedari kecil kamu biasanya bertindak berasaskan arahan, perintah, permintaan orang yang lebih dewasa, berkuasa, lebih tahu walaupun kemungkinan tidak betul dan tidak tepat.

Persekitaran hidup kamu adalah persekitaran orang yang berkerja sebagai buruh, petani, nelayan, peladang, makan gaji, guru, pensyarah dan lain-lain eksekutif maka ia mempengaruhi kamu berfikir dan membuat keputusan.

Kamu nampak ada dua pekerjaan di hadapan kamu iaitu berkerja berat dalam situasi yang tidak selesa dan bekerja dalam situasi yang selesa.

Emosi ingin keselesaan telah mempengaruhi keputusan kamu. Manakala kejahilan kamu terhadap sesuatu menakutkan kamu.

Padam Dan Tukarkan Memori Yang Salah.

Keyakinan yang salah yang tersimpan di dalam otak separa sedar perlu dipadam dan diubah dengan kepercayaan baru yang betul. Kesusahan yang kita fikirkan dan kesakitan yang kita mungkin rasai hanyalah kesan memori silam.

Namun kita boleh betulkan dengan menerima hakikat realiti ujian hidup yang Allah sediakan kepada kita.

Sebenarnya semua kerja dan usaha di dunia ini akan bermula dengan susah sebelum timbul perasaan senang. Sama seperti kepayahan untuk belajar menunggang basikal.

Jika kamu perlu harungi kesusahan dan kepayahan biarlah ianya berbaloi dan memberikan impak yang besar dalam kehidupan kamu.

Allah SWT telah menegaskan realiti kehidupan dengan firmanNya yang bermaksud:

“Sesungguhnya berserta kesusahan ada kesenangan”

Jika kamu berfikiran positif dan betul kamu akan lihat ramai orang berjaya mendapat pendapatan lumayan dalam semua bidang yang dinyatakan tadi.

Orang yang dahulunya buruh kini memeliki syarikat pembinaan rumah, orang yang dahulunya pekerja kilang kini menjadi pengurus kilang dan mempunyai syer dalam kilangnya, orang yang menjadi petani sudah menjadi peladang yang berjaya, peladang pula sudah memiliki kilang memproses makanan daripada sumber ladangnya manakala guru dan pensyarah sudah memiliki sekolah persendirian, pusat tusyen dan sebagainya.

Semua mereka adalah golongan yang berfikiran positif, berfikir dengan betul, bertindak dengan betul dan efisyen.

Komitmen yang diberikan oleh mereka secara berterusan membuahkan kejayaan dalam hidup mereka dalam mencapai impian mereka.

Kamu boleh mengubah paradigm untuk mengubah perasaan daripada negative kepada positif.

Paradigma

Ada satu kisah, seorang lelaki menaiki keretapi bersama anak lelakinya. Dia duduk ditepi tingkap dan merenung jauh ke luar jendela. Anaknya pula berlari-lari ke sana ke sini, sekejap memanjat tingkap, sekejap mengusik orang ramai, sekejap berguling dilantai.

Semua orang memerhatikan gelagatnya dan anaknya itu dengan perasaan geram dan marah. Sehingga ada seorang lelaki yang berada di sebelahnya, menepuk bahunya dan memarahinya yang tidak kisah kepada anaknya.

Lelaki itu sedar daripada lamunan dan memaggil anaknya dan memeluknya kemudia memandang kepada lelaki yang menegurnya tadi dan berkata:

“Isteri saya baru sahaja meninggal dunia”.

Kata-katanya itu di dengari oleh semua penumpang. Dengan nada simpati lelaki itu memohon maaf di atas kekasarannya.

Sebenarnya ketakutan, ragu-ragu, malas dan tidak kosisten dalam tindakan kita adalah disebabkan kepercayaan yang salah yang masih menguasai diri kita. Kepercayaan itu perlu diubah dengan maklumat dan alasan yang betul.

Mentor yang berpengalaman mampu membimbing kamu mengharungi semua perasaan kalah dan mengubahnya sehingga kamu memiliki minda dan perasan orang yang menang.

Kemenangan kamu mengalahkan lintasan negatif dalam diri adalah syarat untuk menang.

“Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah kelemahan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah kelemahan dalam diri mereka” Al Ra’du.

KOMITMEN DAN KONSISTEN

Sesuatu perkerjaan yang kecil tetapi berterusan lebih baik daripada pekerjaan besar tetapi tidak berterusan. Ini adalah intipati ajaran Islam yang bertepatan dengan fitrah penciptaan manusia.

Isunya adalah kosistensi. Kerana untuk mencapai kejayaan memerlukan kamu melakukan usaha yang berterusan.

Sikap kamu dipengaruhi oleh perasaan kamu. Kamu boleh mengawal perasaan dengan berfikir secara logic dan sistematik.

Kemudian memberi arahan yang betul kepada otak separasedar untuk mengarahkan anggota badan anda bertindak.

Sebelum anda berjaya anda memerlukan mentor yang memantau segala aktiviti anda. Mentor yang berpengalaman dan membantu anda berjaya melalui kejayaannya adalah mentor yang terbaik.

Aktiviti yang betul, efisyen dan berterusan akan membuahkan hasil yang cemerlang walaupun anda berkerja secara tenang dan gembira.

Sebenarnya hidup ini hanyalah game, permainan, suka-suka dan jika itulah gaya kerja anda tetapi penuh dengan ketepatan, efisyen dan konsistan anda akan cemerlang.

KEMAHUAN YANG BERKOBAR-KOBAR

Yang diperlukan adalah niat dan kemahuan kamu untuk berjaya, untuk jadi kaya, untuk cemerlang, terbilang demi kebahagian keluarga kamu. Jika bukan kamu yang berjaya, siapakah yang akan membantu keluarga kamu.?

Jika ada kemahuan di sana ada jalan.

Jika kamu mahu kamu akan berusaha bersungguh-sungguh tetapi jika kamu tidak mahu kamu akan bawakan seribu dalih.

Apabila kamu tahu apa itu industri kewangan. Kamu tahu peranan BSKL, bank-bank, insurance atau takaful, kamu faham bagaimana cara membuat perancangan kewangan yang betul.

Kamu tahu kenapa kamu perlu menabung dan melabur, kenapa kamu perlu saling bertolong menolong sesama masyarakat ketika ditimpa musibah.

Kamu tahu bagaimana system perunding kewangan beroperasi dan bertindak.

Segala salahfaham akan lenyap dan keyakinan kamu yang menakutkan akan berubah.

Ketika kamu sedar ia adalah kerjaya yang mudah, diperlukan oleh masyarakat dan menjanjikan pendapatan tinggi tanpa had,

Keyakinan baru atau believe ini akan membakar semangat kamu untuk bertindak secara berterusan.

Kemahuan yang berkobar-kobar perlu sentiasa dinyalakan dengan “THINK BIG.”

Anda mempunyai dua pilihan keusahawan.

Pilihan ini hanya pilihan nisbi sahaja.

WORK HARD atau WORK SMART.

Kedua-duanya diperlukan sekiranya anda ingin berjaya, bezanya anda boleh pilih mana satu pekerjaan yang di dominasi kerja keras dan di dominasi kerja smart atau bijak.

Oleh kerana anda tidak mempunyai modal untuk menjadi usahawan. Atau tidak memiliki premis yang sesuai kerana, perniagaan barang-barang tengibal yang boleh dilihat dan disentuh, memerlukan kedai atau tempat untuk menympan stok maka anda boleh memilih untuk WORK SMART dalam industri kewangan.

Semua orang fikirkan wang. Perniagaan kewangan adalah perniagaan yang paling untung.

Industri Kewangan Takaful

Dengan wang orang boleh melabur dan kongsikan keuntungan; orang membina perusahaan, pembangunan dan perniagaan. Semua orang bergantung kepada asset dirinya yang sihat, tidak cacat dan hidup untuk terus mencari wang.

Namun apabila mereka sakit, ditimpa penyakit kritikal, hilang upaya kerja yang kekal, mereka kehilangan wang dan sekiranya mereka meninggal dunia ketika anak mereka masih kecil dan hutang belum dilunaskan mereka dan keluarga mereka akan sengsara sepanjang hayat dunia dan akhirat.

Ini adalah realiti masalah semua orang yang baru memulakan kehidupan. Setiap mereka memerlukan perlindungan takaful sehingga dana persaraan mereka mencukupi.

Kamu hanya perlu menemui mereka dan tawarkan perlindungan takaful sebagai *backup* kewangan mereka sekiranya musibah menimpa esok atau lusa atau bila-bila masa sedangkan hutang masih banyak dan wang simpanan tidak cukup untuk sara keluarga sehingga anak-anak dewasa.

Setiap Masalah adalah Peluang.

Masalah ini sesuatu yang realistik. Kemungkinan dan kebarangkalian akan ditempuhi manusia adalah pasti dan kesannya mungkin berbeza namun mereka yang berfikiran secara bijak akan bersedia menghadapi apa juga kemungkinan.

Berkerja sebagai perunding kewangan adalah kerjaya yang SMART.

Kamu hanya akan berurusan dengan orang yang berfikiran positif, bertanggungjawab, mengalu-alukan khidmat kamu namun kamu hanya perlu mencari di antara mereka yang ada disekitar kamu.

Tugas kamu hanya mencari dengan bertanya beberapa soalan mudah.

Anda akan ketahui apabila menyertai agensi saya. Kerana ia adalah maklumat untuk bertindak bukan ilmu untuk disimpan. Nak tahu apakah kelebihan work smart bersama saya?

20 KELEBIHAN WORK SMART PERUNDING KEWANGAN ISLAM

Kerjaya sebagai perunding kewangan adalah kerjaya paling bijak berbanding keusahawan yang lain.

Kenapa?

BOLEH BERKERJA DI RUMAH.



Kamu hanya perlukan pejabat ringkas di rumah untuk menguruskan kerja-kerja kamu supaya professionalism kamu tidak terjejas. Maka kamu sudah melakukan penjimatan untuk menyewa pejabat dan segala kos utilitinya.

MASA KERJA ANJAL

Seorang isteri dan ibu boleh meuruskan urusan rumah, menghantar anak-anak ke pusat asuhan di waktu pagi.

Kemudian memulakan kerjayanya selepas jam 9 pagi hingga jam 12 tengahari.

Dengan mendisiplinkan diri kebiasaan hidupnya menjadi habit yang menguntungkan. Dia memiliki masa berkualiti untuk anak-anak dan mampu menguruskan rumahtangga dengan baik.

TIDAK PERLU SIMPAN DAN URUSKAN STOK.

Keusahawan moden hari ini tidak lagi memerlukan kamu menyimpan stok. Malah dengan memilih keusahawan perunding kewangan kamu tidak perlu lagi menyemak tempahan produk daripada pelanggan, membuat tempahan produk daripada pembekal, memantau proses penghantaran dan service selepas jualan terutaman apabila ada aduan produk rosak.

SEKALI CLOSE JUALAN, INCOME MASUK BULAN-BULAN HINGGA 6 TAHUN DAN LEBIH.

Pendapatan seumpama ini hanya khusus untuk perunding kewangan takaful sahaja. Perunding saham amanah hanya dan lain-lain jualan hanya diberi sekali bayaran untuk satu transaksi. Kamu boleh fokus berkerja selama 10 tahun untuk mencapai kebebasan kewangan dan menerima pasif income.



ADA BONUS JUALAN, BONUS TAHUNAN, BONUS PERSISTENSI DAN BONUS REKRUITMENT RAKAN KONGSI.

Bonus jualan 25% udaripada jumlah kutipan setahun. Apabila kamu berkerja secara professional, memberi nasihat setelah kamu yakin ia adalah nasihat yang wajar, pelanggan kamu akan tegar dan terus membuat bayaran. Kejayaan kamu akan menjadi ikutan rakan-rakan kamu dan apabila mereka menyertai organisasi kamu, kamu dibayar bonus.

Setiap tahun syarikat akan memberikan bonus tahunan antara 2-6% daripada kutipan tahunan kamu. Bayangkan sekiranya kamu berjaya membawa kutipan tahunan 1 Juta.

KENAIKAN PANGKAT AUTOMATIK DAN SENTIASA KOSONG UNTUK DIISI.



Dalam lain-lain kerjaya kamu terpaksa menunggu pegawai yang lebih senior berhenti supaya kamu di naikkan pangkat. Itupun mungkin terpaksa melobi atau ada unsur-unsur nepotisma dan kronisma.

Dalam kerjaya keusahawanan, pangkat sentiasa kosong dan kamulah yang mencipta kedudukan kamu dengan usaha kamu.

Kenaikan pangkat bermakna kamu akan mendapat lebihan pendapatan yang berganda.

DIRAIKAN DENGAN HADIAH MELANCUNG SETIAP SUKU TAHUN PERCUMA.



Syarikat akan menaja tiket perjalanan dan wang poket setiap tahun.

SEMUA PENGURUSAN DATA PELANGGAN DIURUSKAN SYARIKAT.

Tugas kamu hanya bertemu bakal pelanggan, membina repotasi yang baik, menjalinkan hubungan mesra, membina kepercayaan dan rasa hormat. Kamu menjadi duta antara syarikat dan pelanggan.

Tugas-tugas dokumentasi, menguruskan kutipan sumbangan, membuat audit dan menyediakan bayaran pampasan dilakukan oleh pegawai syarikat.

9. PERNIAGAAN 90% ONLINE.



Kemudahan teknologi dan rangkaian internate menjadikan tugas pemasaran, perbincangan dan sebagainya boleh dilakukan dalam talian.

SUASANA KERJA YANG GEMBIRA, ENJOY, RILEX DAN FUN.

Kamu yang menentukan budaya kerja kamu sendiri dan kamu boleh menjadikannya sesuatu yang menyeronokkan, Kamu boleh berkerja sambil melancung.

Kegembiraan, keseronokan dan minat untuk berkerja boleh ditentukan apabila kamu menukar kepercayaan kamu terhadap kerjaya ini.

KAMU TAK PERLU HIDUP DALAM KESESAKAN LALULINTAS, BERKEJAR UNTUK PUNCHCARD, TIDAK MENIPU MAJIKAN, TIDAK CURI TULANG DAN TIDAK TERJEBAK DALAM RASUAH.



Untuk memastikan pendapatan 100% halal melalui kerjaya sebagai eksekutif memerlukan mujahadah yang hebat. Bagaimana penggunaan peralatan pejabat untuk urusan peribadi? Bagaimana cara kamu membuat tuntutan perjalanan? Membuat budget mesyuarat dan sebagainya sejauhmana ia tidak melibatkan kepentingan diri sendiri? Bagaimana pula mengambil MC sedangkan kamu tidakpun sakit?

TIDAK PERLU MENIPU, MENINDAS, MENZALIMI ORANG LAIN UNTUK BERJAYA.

Dengan berkerja sendiri sebagai usahawan, kamulah yang menentukan budaya kerja kamu sendiri. Persaingan kamu hanyalah dengan diri kamu sendiri. Kamu tidak perlu menginaya sesiapa untuk memajukan diri sendiri, kerana ruang berkerjaya terlalu luas lebih luas daripada kemampuan kamu untuk bersaing.

KEJAYAAN HIDUP KERANA MEMBANTU ORANG LAIN BERJAYA.



Kerjaya seorang usahawan adalah menyelesaikan masalah orang lain. Malah lebih ramai orang yang dibantu, lebih tinggi pendapatan yang diperolehi. Kejayaan anda bukan dengan menjatuhkan orang lain.

BANYAK MASA UNTUK KELUARGA, DIRI SENDIRI DAN PENCIPTA.



Seorang usahawan amat memahami hakikat rezki adalah kurniaan Allah. Ketakwaan dan dosa menyadi penyebab kejayaan dan kegagalan. Seorang usahawan akan lebih bersyukur kepada Allah dan akan lebih takut melakukan dosa.

KURANG DOSA IKHTILAT, SENTUH ATAU LIHAT YANG HARAM DAN DENGAR GOSSIP2.



Budaya percampuran bebas antara lelaki dan wanita bukan mahram ditempat kerja boleh di elakkan. Perjalanan kesana sini boleh dirancang tempat dan waktu.

INCOME 30,000 SEBULAN SELEPAS BERUSAHA 12 BULAN.



Angka ini hanyalah satu angka. Dalam keusahawan kamu boleh meletakkan berapa sahaja angka yang kamu mahu, akal kamu akan pantas berfikir mencari formula, strategi dan tindakan yang sesuai.

Apa sahaja yang mampu difikirkan mampu diwujudkan di alam realiti. Lihatlah sekeliling anda telah wujud pelbagai alat, gadjet, bangunan, bandaraya dan sebagainya yang dahulunya tidak wujud. Namun ia wujud kerana ada seseorang yang mahukannya dan berfikir untuk mewujudkannya.

Bezanya hanyalah idea dan kemahuan.

KERJAYA FRANCAISE BERSISTEMATIK DENGAN SYARIKAT TERKENAL, BERPENGALAMAN DAN SISTEMATIK.

Industri insuran sudah wujud sejak sebelum merdeka. Takaful di mulakan pada 1985. Kini sudah lebih 35 tahun, sistemnya sudah lengkap.

SLIP PENDAPATAN DITERIMA BANK UNTUK PEMBIAYAAN MEMBELI RUMAH DAN SEBAGAINYA.

Perunding kewangan takaful adalah pelengkap kepada industry kewangan yang lain. Malah takaful berada dikedudukan pertama yang perlu diambil kira sebelum berfikir untuk membina kekayaan.

Ia adalah industry yang dikawalselia oleh bank negara. Maka pendapatannya mempunyai rekod dan kejayaan seseorang perunding kewangan takaful menjana pendapatan menjadikan mereka layak untuk mendapat pembiayaan bank.

Berbeza dengan keusahawan lain, mereka perlu membuat kira-kira perniagaan, membuat audit akaun dan lain-lain dokumentasi perniagaan untuk layak mendapat pembiayaan bank.

MODAL

Modal kamu hanya kemahuan, attitude, habit dan work smart selain yuran peperiksaan untuk kelayakan professionalisma dan ahli pertubuhan berkaitan kerjaya.

Keusahawanan takaful satu-satunya industri yang menjaminkan pendapatan tinggi dengan cepat tanpa perlu modal yang besar.

KURSUS PEMBANGUNAN PROFESSIONALISMA PERCUMA.



Pembelajaran, latihan, coaching, mentoring dan fildwork percuma hingga anda berjaya. Jika anda seorang isteri dan ibu.

Jika anda inginkan 20 kelebihan kerjaya ini. Berikan peluang kepada diri anda. Minat akan timbul, semangat berkobar-kobar akan datang bila anda dengar penerangan mengenai kerjaya ini.

Jangan prejudis. Dengar dulu dan nilai.

Untuk lebih meyakinkan kamu, jom sertai seminar dalam talian yang akan kami adakan.

Tempah tempat anda di webinar akan datang.

Borang Pendaftaran Webinar

http://www.wasap.my/60193800543/wswebinar

E-BOOK ini sponsored by alitqanbooks. Jika anda ingin memiliki cara-cara membuat E-BOOK dengan mudah sila clik sponsored di bawah.

alitqanbooks

